

Sepang: Mulai 18 Mei tahun depan, Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan melaksana sistem baharu yang memendekkan laluan mendarat pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, selain masa, sistem itu dikenali Laluan Pelepasan Standard (SIDs) dan Laluan Pendaratan Standard (STARS) juga bakal menjimatkan penggunaan bahan bakar syarikat penerbangan.

“Dengan adanya sistem ini, dianggarkan boleh menjimatkan kos bahan bakar hampir RM500 juta setahun untuk syarikat penerbangan yang beroperasi di KLIA. Ini penjimatan besar kepada syarikat penerbangan dan diharap dapat membantu sektor penerbangan.

CAAM singkat laluan mendarat pesawat di KLIA



ANTHONY ketika lawatan kerja ke KLATCC, Sepang. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

“Menerusi sistem ini juga semua pesawat yang mendapat di KLIA boleh menjangkakan masa menunggu untuk mendarat lebih pendek antara 18 hingga 22 minit atau penjimatan jarak 44 hingga 67 batu nautika.

“Bagi penumpang, perjalanan mereka lebih pantas

bila pesawat boleh mendarat tepat waktu atau lebih awal daripada jadual, maka waktu penerbangan lebih pendek,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi

CAAM Tan Sri Mohd Khairul Adib Abdul Rahman.

Loke berkata, pihaknya menjangkakan sistem itu boleh mengoptimumkan kapasiti 108 penerbangan dalam tempoh satu jam, berbanding anggaran 50 pesawat ketika ini.

“Menerusi inisiatif ini da-

pat juga menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon dalam membantu penjagaan alam sekitar,” katanya.

Ditanya mengapa tempoh sehingga Mei tahun depan diperlukan bagi pelaksanaan sistem itu, Loke berkata, ia berikutan persediaan terutama latihan kepada pegawai trafik udara perlu diberikan bagi memahami sistem baharu terabit.

“Pegawai trafik udara perlu dilatih, sistem perlu diubah supaya walaupun ada penjimatan, yang paling penting adalah keselamatan kapal .

“Ia memerlukan masa lima hingga enam bulan selain perlu juga maklum juga kepada syarikat penerbangan bagi makluman juruterbang mereka,” katanya.

Selain itu, Loke berkata, pihaknya sudah meminta syarikat penerbangan untuk menambah kekerapan penerbangan terutamanya pada waktu malam dan memanjangkan tempoh operasi ketika musim perayaan.

“Minggu lalu kita adakan perbincangan dengan CAAM, jadi untuk musim perayaan dengan terbaharu, Tahun Baharu Cina ini, kita minta kerjasama semua menara trafik supaya waktu operasi dipanjangkan, maka syarikat boleh tambah penerbangan tengah malam selain jadual perjalanan sedia ada.

“Jadi bila kekerapan penerbangan ditambah harga tiket akan lebih kompetitif dan lebih murah dan ini boleh juga membantu industri,” katanya.